

Program 3u1i perlu lebih banyak penglibatan industri

► 30% tenaga pengajar dari kalangan pengamal industri

UB 20.4.2018 A7

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mahu lebih banyak penglibatan industri dalam program 3u1i.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, program Teknologi dan Industri Kayu (HY11) menjadi kursus pertama dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS menerajui 3u1i.

Menurutnya, 3u1i adalah satu pendekatan baharu yang berasaskan pekerjaan menerusi bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Bagaimanapun katanya, Sabah masih kekurangan industri yang dapat

“Program Teknologi dan Industri Kayu (HY11) menjadi kursus pertama dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS menerajui 3u1i. 3u1i adalah satu pendekatan baharu yang berasaskan pekerjaan menerusi bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).”

PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN
Naib Canselor UMS



KAMARUDIN (tiga kiri) saling bertukar dokumen dengan Jalaluddin (empat kiri) sempena majlis MoU itu.

menampung jumlah pelajar dalam menjalani latihan industri.

“Kerajaan juga menyarankan sekurang-kurangnya 30 peratus

tenaga pengajar di universiti dari kalangan pengamal industri.

“Ini juga satu cabaran besar buat kita dalam memastikan para pelajar mampu bersaing dengan dunia luar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMS dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) di sini pada Khamis.

Kamarudin berkata, MTIB berperanan sebagai Badan Peneraju Industri (ILB) dalam bidang perkayuan.

Menurutnya, MoU itu membuka peluang kepada UMS menerima bimbingan dalam penyesuaian pembelajaran serta pendedahan terhadap amalan industri.

Sementara itu, Ketua Pengarah MTIB Datuk Dr Jalaluddin Harun berkata, program 3u1i perlu diformulasikan untuk memberi manfaat kepada pelajar.

Katanya, menerusi MoU berkenaan kedua-dua pihak dapat mencari pembaharuan yang ditawarkan dalam meningkatkan lagi nilai tambah industri perkayuan.